

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Datuk Musa diberi sambutan meriah

Oleh  
Bustaman Ahmad

KOTA KINABALU, Rabu — Datuk Musa Hitam hari ini diberi sambutan permaidani merah setibanya di sini bagi memulakan lawatan rasmi pertama ke Sabah selama tiga hari.

Ketibaan Timbalan Perdana Menteri disambut oleh ribuan rakyat dengan didahului oleh Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh, Timbalannya Datuk James Ongkili serta isteri masing-masing.

Hadir sama ialah Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Pengiran Othman Rauf, para Menteri Kabinet Negeri, pegawai kanan Kerajaan dan orang kenamaan negeri.

Datuk Musa kemudian menerima tabik hormat dan memeriksa kawalan kehormatan terdiri 60 anggota Batalion ke 16 Pasukan Polis Hutan.

Selepas itu, Datuk Harris memperkenalkan Timbalan Perdana Menteri kepada para Menteri Kabinet dan kenamaan negeri.

Beliau diiringi oleh Ketua Menteri berkereta ke Seri Jaya, rumah tetamu kenamaan negeri.

Malam ini, Datuk Musa mengunjungi Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Adnan Robert, disusuli dengan jamuan makan malam dan persembahan kebudayaan.

Pagi esok, Datuk Musa akan menghadiri taklimat kegiatan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dan bertolak ke Kudat dengan helikopter bagi upacara perasmian Sekolah Mubaligh Sikuati.

Sebelah petangnya, beliau akan menghadiri majlis jamuan teh rakyat di perkampungan Kadazan Penampang dekat sini.

Manakala sebelah malamnya pula beliau menghadiri jamuan makan malam di Ibupejabat Berjaya.

Pada hari Jumaat, Datuk Musa akan melawat Labuan bagi meninjau pelaksanaan berbagai projek pembangunan termasuk Limbungan Kapal Sabah.